

# Kenali Jahiliyyah Demi Menjaga Islam

Di antara punca dan sebab kenapa umat Islam terpengaruh dengan faham-faham yang asing daripada ajaran Islam ialah kerana kejahilan umat Islam sendiri dalam mengenali apakah ajaran-ajaran yang batil. Kata-kata Sayyidina Umar al-Khattab RA amat tepat sekali apabila beliau mengungkapkan:

إِنَّمَا تَنْقَضُ عُرَى الْإِسْلَامِ عُرْوَةٌ عَرْوَةٌ إِذَا نَشَأَ فِي الْإِسْلَامِ مَنْ لَمْ يَعْرِفِ الْجَاهِلِيَّةَ

*“Sesungguhnya Islam itu akan terlerai apabila muncul di kalangan umat Islam itu orang-orang yang hidup dalam Islam tanpa mengetahui apa itu jahiliyyah”.*

Jahiliyyah merujuk kepada zaman sebelum kedatangan Islam, namun jahiliyyah wujud sepanjang zaman kerana ia merujuk kepada kebathilan. Dalam al-Qur’an bukan sahaja menjelaskan tentang kebenaran, tetapi juga tentang kebathilan.

Antara faham yang semakin kuat merebak dewasa ini ialah faham liberalisma. Liberalisma ini bermula di Barat bertitik tolak daripada gerakan anti agama besar-besaran seawal kurun ke 17 yang menolak agama dan institusi-institusi agama dengan alasan agama itu mengongkong manusia. Pemuka-pemuka Barat yang menentang beragama ini antaranya ialah seperti David Hume, John Stuart Mill, Voltaire dan ramai lagi hingga ke hari ini seperti Richard Dawkins, Stephen Hawking termasuklah mereka yang langsung tidak percaya kepada tuhan atau digelar ateis. Kita perlu fahami kenapa perkara sebegini berlaku. Ianya kerana di Barat pada ketika ini mereka berada dalam era kegelapan pada sekitar abad ke-5 hingga ke-14 di mana agama menguasai umat manusia. Mereka merasakan agama telah membelenggu. Belenggu yang paling besar yang mereka tentang ialah kelompok agamawan di kalangan mereka yang bersekongkol

dengan raja-raja yang zalim dan kuku besi pada ketika itu hingga menyebabkan kezaliman terhadap rakyat berleluasa dengan sokongan pihak agamawan mereka pada ketika itu. Inilah kesilapan agamawan Barat hingga menyebabkan timbulnya gerakan menentang pihak agamawan oleh masyarakat kerana dilihat pihak agamawan bersekongkol dengan pemerintah yang zalim dan agama itu sebagai penyebab kepada persengketaan. Lalu imej agama itu menjadi buruk kerana dilihat sebagai penyebab kepada kezaliman, dan kuku besi.

Apa yang berlaku dalam dunia Islam amat berbeza. Sejarah membuktikan bahawa kedatangan Islam di mana-mana sahaja akan membebaskan manusia daripada kemunduran kepada kemajuan. Ia amat berbeza dengan apa yang berlaku di Barat. Di mana-mana Islam datang, Islam membawa kemajuan sepertimana yang berlaku di Jazirah Arab. Apabila kemunculan Islam bangsa Arab yang dulunya bangsa yang saling bunuh-membunuh telah menjadi masyarakat yang mampu hidup harmoni dan aman damai walaupun daripada kelompok kabilah yang pelbagai. Bahkan kedatangan Islam telah menggalakkan umat Islam untuk menerokai ilmu-ilmu sains sehingga lahirlah ramai para saintis Islam di zaman kegemilangan Islam sehingga terbinanya peradaban dan tamadun Islam.

Namun masyarakat Barat melihat agama itu semua sama sahaja iaitu sebagai bentuk pengongkongan daripada kemajuan kerana mereka melihat berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Agama, di sisi masyarakat Barat, apabila dibawa dalam ruang masyarakat maka ia akan membawa kepada kemunduran. Lalu mereka mendesak agama hanya untuk amalan individu dan persendirian sahaja tanpa melibatkan masyarakat mahupun negara. Lalu agama dan pemerintahan dipisahkan dan inilah titik mula gerakan yang dipanggil "sekularisme" yang memisahkan agama daripada kehidupan bermasyarakat dan pemerintahan dengan meletakkan agama hanya untuk amalan persendirian sahaja.

Kalau dalam agama sangat besar peranannya dalam pemerintahan, namun bagi masyarakat Barat, agama perlu tunduk kepada

humanisma-sekular dan rasionalisme-sekular, di mana akal diagungkan mengatasi agama. Bagi mereka agama tidak sesuai dengan tamadun dan perkembangan sains dan teknologi. Sedangkan Islam, tidak sama sekali menindas ilmu sains dan jika ada yang menindas itu bukan daripada ajaran Islam tetapi daripada salahfaham umat Islam dalam melaksanakan ajaran-ajaran Islam tersebut. Umat Islam sedikit demi sedikit mula terpengaruh dengan gerakan sekularisme Barat ini apabila cerdik pandai Barat yang mengkaji Islam yang digelar “orientalis” Barat mula menerapkan faham dan pengalaman mereka ke dalam agama Islam. Ianya lebih ketara apabila ramai umat Islam mula melanjutkan pelajaran di Barat dan menuntut di bawah bimbingan para orientalis Barat ini lalu membawa pulang fahaman menyeleweng ini ke tanahair. Jika dulu, di kalangan masyarakat Barat, perbuatan hubungan sejenis atau homoseksual merupakan suatu tabiat di luar tabie bahkan dikategorikan sebagai penyakit mental, namun kini sedikit demi sedikit mereka mula menerimanya sebagai sebahagian daripada hak dan kebebasan manusia walaupun ianya bercanggah dengan ajaran agama mereka sendiri. Inilah pesanan Baginda SAW agar kita jangan meniru dan mengikut perbuatan golongan Kristian dan Yahudi ini sepertimana Sabda Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Abu Sa’id al-Khudri RA yang berbunyi:

لَتَتَّبِعَنَّ بَعْضُنَا سَنَنَ مَنْ قَبْلَكُمْ  
 شَيْئًا بَشِيرًا وَشَيْئًا نَذِيرًا  
 حَتَّىٰ لَوْ سَأَلْتُمْ جُرْحُوبَ  
 لَسَأَلْتُمْ هُوَ قُلْنَا يَا رَسُولَ  
 اللَّهِ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ قَالَ  
 فَمَنْ

*“Nescaya kamu akan mengikut jejak langkah kaum sebelum kamu sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta hingga sekiranya mereka masuk ke dalam lubang biawak sekalipun, kamu akan ikut serta. Lalu kami bertanya: siapakah mereka itu wahai*

*Rasulullah SAW, Yahudi dan Nasrani kah? Lalu Baginda SAW menjawab: siapa lagi?" [Bukhari]*

Justeru itu, umat Islam sewajarnya tidak terpengaruh dengan gerakan liberalisma ini memandangkan Islam bukan punca kemunduran umat ini.

*[Rencana ini merupakan suntingan bebas daripada program Tarbiyyah yang bersiaran di radio IKIMfm yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr Khalif Muammar A.Harris dan kemudiannya disiarkan dalam ruang agama akhbar Berita Harian bertarikh 23 September 2016. Segala kesilapan adalah kelemahan penyunting]*

---

## **Salahfaham Terhadap Islam**

Antara salahfaham yang wujud dalam segelintir masyarakat kita juga ialah memandang akal tidak berperanan langsung dalam menentukan sesuatu pandangan dalam hidup beragama. Tiada dalil dalam al-Qur'an dan al-Sunnah itu bukan bermakna ianya salah dan tidak boleh diamalkan samasekali. Ini pendirian yang salah dan jumud. Islam samasekali tidak menolak penggunaan akal bahkan dalam al-Qur'an begitu banyak seruan-seruan yang menyeru kepada menggunakan akal seperti ungkapan: "tidakkah kamu berfikir", "tidakkah kamu bertadabur" dan seumpamanya. Begitu juga banyak hadith-hadith yang memuji akal, sepertimana contoh yang diberikan oleh Prof. Madya Dr. Khalif Muammar A.Harris, pensyarah di Pusat Kajian Tinggi Mengenai Islam, Sains dan Tamadun Universiti Teknologi Malaysia dalam rancangan Tarbiyyah di IKIMfm setiap Jumaat 10.15 pagi, di mana ada mafhum hadith yang apabila Baginda SAW diajukan soalan siapakah yang lebih baik antara orang yang kuat beribadat atau orang yang kuat tidur? Lalu Baginda SAW menjawab orang yang kuat akalnya di antara kedua-duanya.

Kenapa? Kerana orang yang kuat ibadat sekalipun tetapi jika kualiti ibadatnya tiada, maka tiada manfaat sedangkan orang yang kuat tidur walaupun mungkin ibadatnya agak sedikit tetapi jika ibadatnya berkualiti itu lebih baik. Beliau seterusnya mengungkapkan bagaimana Hujjatul Islam Imam al-Ghazali (w.505/1111) memberikan tamsilan untuk akal ini seumpaman mata. Jika al-Qur'an itu diibaratkan seperti matahari, namun untuk memahami al-Qur'an kita memerlukan mata kerana cahaya sahaja tidak mencukupi. Mata sebagai alat untuk melihat objek-objek yang disuluh oleh cahaya, maka begitu jugalah akal diperlukan untuk memberi kefahaman terhadap apa jua yang disuluh oleh cahaya al-Qur'an itu. Walau bagaimanapun, akal tidak boleh dibiarkan untuk berfikir di luar kemampuan tanpa ada had dan batas. Di sinilah bezanya umat Islam dan umat lain dalam meletakkan kedudukan akal agar kena pada tempatnya. Golongan sesat Muktazilah dahulu misalnya meletakkan akal sebagai sumber yang utama yang mampu menyelesaikan semua perkara dan memikirkan semua hal tanpa memerlukan al-Qur'an. Pandangan ini salah. Sebagai contoh perkahwinan adik beradik misalnya tidak mampu difikirkan secara rasional oleh akal apakah keburukannya tetapi agama melalui petunjuk al-Qur'an menjelaskan bahawa ia tidak dibenarkan kerana mudaratnya yang amat. Begitu juga pengharaman babi dan lain-lain semua itu tidak dapat difikirkan oleh akal hinggalah perkembangan sains dan teknologi membuktikan kewujudan cacing yang memudaratkan kesihatan.

Seperkara lagi, kecelaruan masyarakat hari ini juga ialah dalam melihat bahawa ada perkara-perkara dalam Islam ini yang bersifat kekal (*thawabit*) tidak berubah-ubah iaitu dalam perkara aqidah, usul, namun ada juga yang bersifat berubah-ubah (*mutaghayyirat*) khususnya dalam perkara-perkara muamalat, ranting yang bersifat ijtihadi. Kepercayaan terhadap Allah SWT Tuhan Yang Maha Esa, Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul terakhir adalah pegangan yang tidak akan berubah-ubah hingga hari kiamat. Adapun dalam hal muamalat misalnya, seperti jual beli. Jika dulu penjual dan pembeli perlu ada akad ijab dan

qabul, tetapi kini dengan adanya *vending machine* menjual air kotak dan lain-lain, kita tidak perlu lagi mengucapkan lafaz ijab-qabul tersebut memadai prinsip "*an taradin*" iaitu kedua-dua pihak bersetuju dengan jumlah harga yang ditetapkan, maka transaksi jual beli itu sudah dikira sah. Ini yang dikatakan antara perkara-perkara yang boleh berubah-ubah dari zaman ke zaman bergantung kepada masalah masyarakat setempat.

Namun apa yang menyedihkan kita ialah adanya gerakan konon untuk "mengislahkan" masyarakat, atau tajdid dalam hal-hal yang ranting dan bukan dalam hal aqidah sehingga menimbulkan keresahan masyarakat. Golongan ini bukan menambahbaik tetapi merosakkan lagi ajaran Islam yang sudah sekian lama bertapak dalam masyarakat. Mereka membesarkan perkara-perkara yang diperselisihkan (*khilafiyyah*) oleh para ulama sejak ratusan tahun lalu yang telah bersetuju untuk berbeda pendapat. Mereka menuduh perkara-perkara baharu yang tidak dibuat di zaman Baginda SAW sebagai "*bid'aah sesat*" sedangkan jumhur ulama bersetuju bahawa perkara-perkara baharu (*bid'aah*) itu ada yang sesat (*dalalah*) dan ada yang baik (*hasanah*). Imam Shafie RA sendiri mengungkapkan bahawa "*Bidaah itu ada dua, satu sesat (dalalah) dan satu terpuji (mahmudah)*".

Justeru dengan pemikiran-pemikiran sebegini yang banyak muncul dalam masyarakat telah mengeruhkan lagi hubungan sesama saudara Islam dan yang lebih teruk lagi ianya di mata orang bukan Islam menunjukkan umat Islam sendiri tidak sepakat dan bersatu padu dalam ajaran mereka. Lalu hilanglah keindahan Islam di mata mereka.

*[Rencana ini telah disiarkan dalam ruang agama akhbar Berita Harian pada 16 September 2016]*

---

# Bagaimana Memahami Islam

Dalam rancangan slot Tarbiyah yang bersiaran Jumaat jam 10.15 pagi di radio IKIMfm, Prof. Madya Dr. Khalif Muammar A.Harris, pensyarah CASIS UTM membawakan tajuk “Bagaimana Sepatutnya Memahami Islam”. Salah faham terhadap Islam ini, ujar beliau bukan menimpa orang bukan Islam sahaja, bahkan dari umat Islam sendiri. Akibat salahfaham itu, orang bukan Islam khususnya Barat menggelarkan umat Islam dengan terrorisma dan radikal. Umat Islam sendiri pula disebabkan salahfaham terhadap Islam telah gagal mempamerkan Islam yang sebenar sehingga Islam tidak lagi dilihat indah dan cantik. Umat Islam itu adalah cerminan kepada Islam itu sendiri.

Dalam masyarakat Islam hari ini ada dua bentuk kecelaruan pemahaman terhadap ajaran Islam. Pertama dari kelompok literalis yang jumud, radikal dan konservatif. Mereka terikat dengan tafsiran ayat-ayat al-Qur’an dan al-Hadith secara literal sehingga menyempitkan ajaran Islam yang sebenar. Kelompok kedua pula ialah daripada kalangan liberal, yang bebas dan tidak terikat kepada sebarang teks.

Dalam satu hadith daripada Ibrahim bin Abdul Rahman al-Udri RA bahawa Baginda SAW bersabda:

يَحْمِلُ هَذَا الْعِلْمَ مِنْ كُلِّ خَلْفٍ  
عَدُوُّهُ ، يَنْفُونَ عَنْهُ تَحْرِيفَ الْغَالِبِينَ  
وَأَنْتِ حَالِ الْمُبْطِلِينَ ، وَتَأْوِيلَ  
الْجَاهِلِينَ

*“Akan membawa (dan mewarisi) ilmu ini dari setiap generasi mereka yang benar-benar berwibawa. Mereka menolak dari ilmu itu penyelewangan orang-orang yang melampau, dakwaan orang-orang yang menyesatkan, dan tafsiran orang-orang yang jahil”.*  
[Hadis Riwayat at-Tabrani dan al-Bayhaqi]

Dan kerana itu, kita dapati alam nusantara Melayu ini sejak daripada awal kedatangan Islam lagi dari generasi ke generasi sudah mengikut manhaj Asha'irah dari segi aqidah, Shafiiyah dari segi fekah dan Ghazali dari segi tasawuf hinggalah ke hari ini. Pada setiap zaman, akan berlaku penyelewengan yang dibawa oleh kelompok-kelompok tertentu tetapi majoriti para ulama pada zaman itu akan tetap teguh dibawa manhaj yang benar selama-lamanya. Di zaman Imam al-Ghazali RA (w.505/1111), beliau berhadapan dengan kelompok Hasyawiyah yang menolak sains Yunani, namun Imam al-Ghazali RA menjelaskan bahawa tiada salah dengan ilmu sains tersebut jika ia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Hari ini umat Islam berhadapan dengan kelompok IS atau Daesh yang kononnya mendakwa mereka memperjuangkan Islam dan ingin menubuhkan Khalifah Islam tetapi majoriti ulama menolak kumpulan ini dan mengisytiharkan mereka sesat bahkan ada yang mengatakan mereka ini murtad.

Hari ini ada kecenderungan di kalangan masyarakat kita berslogan menyeru kepada mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah. Tetap ulama sejak zaman berzaman mereka bukan sahaja mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah sahaja, mereka juga menguasai pelbagai ilmu-ilmu lain bagi memahami al-Qur'an dan al-Sunnah. Tidak semua yang tiada dalam al-Qur'an dan al-Sunnah itu salah, atau apa tidak diperlakukan oleh Baginda SAW ketika hayatnya SAW maka kita tidak boleh lakukan pada hari ini. Hanya apa yang dilarang sahaja yang tidak dibenarkan dan apa yang menyalahi nas-nas usul dan syariat dalam ajaran Islam sahaja dilarang. Di sini memerlukan kebijaksanaan untuk memahami apa yang haram dan apa dibenarkan sesuai dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr yang mafhumnya berbunyi "apa sahaja yang dibawakan oleh Rasul itu maka terimalah, dan apa yang dilarangnya itu tinggalkan".

Ada kelompok dalam masyarakat kita hari ini yang salahfaham terhadap perkara ini seolah semua yang tidak diperbuat oleh Baginda SAW itu tidak boleh dan haram dibuat. Lalu muncullah



kelompok yang membidaahkan dan menyesatkan amalan orang lain, dalam hal-hal khilafiyah sehingga mewujudkan keresahan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Para ulama telah membawakan kaedah yang terkenal dalam berhadapan dengan perkara-perkara perselisihan pendapat (khilafiyah) di kalangan para ulama ini yang berbunyi, “tidak ditentang perkara yang diperselisihkan (para ulama), namun ditentang adalah perkara yang disepakati”. Dalam hal-hal sebegini, tindakan berlapang dada ialah tidak menuduh bidaah dan sesat terhadap amalan-amalan yang diperselisihkan para ulama, sebaliknya jika kita di pihak yang memilih bersama pandangan yang tidak menyetujui sesuatu amalan tersebut, memadai kita sahaja yang tidak melakukannya tanpa perlu melarang orang lain daripada melakukannya. Adapun dalam hal-hal yang jelas disepakati para ulama bahawa ia perbuatan keji dan munkar, maka hendaklah kita sama-sama sepakat bangun menentangnya sesuai dengan perintah “*amr ma’ruf wa nahy anil munkar*”.

*[Rencana ini telah disiarkan dalam ruang agama akhbar Berita Harian pada 9 September 2016]*

---

## **Definisi Bid’ah Mengikut Ahlul Sunnah wal Jamaah**

Definisi Bid’ah Mengikut Ahlul Sunnah wal

Jamaah

Oleh

Sheikh Gibril Fouâd H{addâd

Tulisan ini terbahagi kepada dua bahagian:

1. I. Definisi Bid'ah oleh Imam al-Shafi'e (ra)
2. I Pembahagian Bid'ah di kalangan Ahlul Sunnah wal Jamaah dan selainnya.

### **1. Definisi Bid'ah Mengikut Imam Shafi'e:**

Sumbangan besar Imâm al-Shâfi`î (ra) dalam ilmu Usul al-Fiqh ialah pembahagian beliau terhadap makna 'perkara baharu' (*al-bid'ah*) dan 'perkara baharu yang

diadakan' (*al-muhd}*

*athât*) iaitu samada 'baik' atau 'buruk bergantung kepada samada

perkara itu selari dengan Shari'at. Ini diriwayatkan secara Sahih dari dua muridnya yang terkenal pada zaman akhir kehidupan beliau iaitu, pakar h}adith Mesir, H{armala ibn Yah}yâ al-Tujaybî dan al-Rabî` ibn Sulaymân al-Murâdî:

H}armala menyebut, "Aku mendengar Imam al-Shâfi'e(ra) berkata:

**“Bid’ah itu dua jenis (*al-bid’atu bid`atân*)”**

“Bid’ah yang dipuji (*bid’ah mahmûdah*) dan bid’ah yang dikeji (*bid’ah mazmûmah*).

Apa yang selari dengan Sunnah itu dipuji (*mahmûdah*) dan apa yang bertentangan itu dikeji (*mazmûmah*).”

Beliau menggunakan dalil dari kenyataan Saidina ‘Umar ibn al-Khat}t}âb (ra) kepada jemaah yang mengerjakan Sembahyang Terawih di bulan Ramad}ân dengan katanya: “Alangkah cantiknya bid’ah ini!”<sup>1</sup>

Al-Rabî` juga meriwayatkan kenyataan yang sama bahawa Imam Al-Shâfi`î berkata kepada kami:

‘Perkara baharu yang diada-adakan itu dua jenis (*al-muh{dathâtu min al-umûri d}arbân*):

Pertama, perkara baharu yang bercanggah dengan al-Qur’ân atau Sunnah atau *athar* Sahabat atau *ijmâ’* para ulamâ’, maka bid’ah itu adalah sesat (*fahâdhihi al- bid’atu d{alâlah*).

1 Diriwayatkan dari Ha}rmala oleh Abû Nu`aym dengan sanad dari Abû Bakr al-A<jurrî dalam H}ilyat al-Awliyâ' (9:121 #13315=1985 edisi. 9:113) dan dinukilkan oleh Abû Shâma dalam al-Bâ`ith `alâ Inkâr al-Bida` wal- Hawâdith (edisi Riyadh 1990, hal. 93), Ibn Rajab dalam Jâmi` al-`Ulûm wal-H}ikam (hal. 267= edisi Zuh}aylî. 2:52= edisi Arna'ût, 2:131=sah}îh}), Ibn H}ajar dalam Fath{ al-Bârî (edisi 1959, 13:253), al-Turt}ûshî dalam al-H}awâdith wa al-Bida` (hal. 158-159), dan al-Shawkânî, al-Qawl al-Mufîd fî Adillat al-Ijtihâd wa al-Taqlîd (edisi 1347/1929 hal. 36). Riwayat dari Saidina `Umar disebut oleh Imam Mâlik dalam al- Muwat}ta' dan al-Bukhârî dalam Sahîh} Bukhari.

*min al-khayr*) yang tidak bertentangan dengan mana-mana pun di atas, dan ini bukan bid'ah yang dikeji (*wahâdhihi muh}dathatun ghayru madhmûmah*).

`Umar (ra) berkata terhadap sembahyang Terawih berjemaah di bulan Ramadhan: "Alangkah cantiknya bid'ah ini!" bermaksud bahawa 'perkara baharu' yang diada- adakan yang belum ada sebelum ini, tetapi ianya tidak bercanggah dengan perkara di atas (Al-Qur`ân, Sunnah, *athâr* Sahabat dan *Ijmâ'*).'"<sup>2</sup>

Oleh itu, Imam al-Shâfie telah meletakkan suatu kriteria asas, yang perlu digunakan dalam menjatuhkan hukum terhadap sesuatu 'perkara baharu'.

Sehubungan dengan itu Imâm al-Haytamî, Qâd}î Abû Bakr Ibn al-`Arabî, dan Imâm al-Lacknawî seterusnya menyambung:

*"Bid'ah dari segi Shari'atnya ialah apa jua perkara baharu yang diadakan yang bertentangan dengan hukum yang diturunkan*

*Allah, samada berdasarkan dalil-dalil yang nyata atau pun dalil-dalil umum”3*

*“Hanya Bid’ah yang menyalahi Sunnah sahaja yang dikeji”4*

*“Bid’ah ialah semua perkara yang tidak wujud dalam tiga kurun pertama Islam dan di mana ianya tidak mempunyai asas bersumberkan empat sumber hukum Islam”5*

Kesimpulannya, ianya tidak memadai bagi sesuatu perkara itu dikira ‘bid’ah’ [dan sesat] hanya semata-mata kerana ianya ‘perkara baharu’; tetapi ianya perlulah juga di masa yang sama bertentangan dengan Islam.

Al-Bayhaqî mengulas kenyataan al-Rabî :

Begitu juga dalam hal perdebatan aqidah (*kalâm*) dengan pereka bid’ah, apabila mereka ini mula mendedahkan perbuatan bid’ah (penter: dalam aqidah) mereka kepada masyarakat awam. Walaupun kaedah *kalâm* merupakan ‘perkara baharu’ namun ianya dipuji (*mah}mudah*) kerana ianya bertujuan untuk mendedahkan kepalsuan pereka bid’ah itu, seperti mana yang kita sebutkan sebelum ini. Rasulullah



dan begitu juga para Sahabat ditanya soalan berhubung dengan Qada’ dan Qadar, yang jawapannya sepertimana telah sampai kepada kita hari ini. Namun pada masa itu, para Sahabat sudah berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Rasulullah .

Namun sebaliknya di zaman kita ini pereka bid'ah tidak lagi berpuas hati dengan jawapan yang sampai kepada kita (daripada Rasulullah dan para Sahabat), dan mereka tidak lagi menerimanya. Oleh itu bagi menangkis serangan mereka, yang mereka sebarkan kepada umum, perlu bagi kita berhujah

2 Diriwayatkan dari al-Rabî` oleh al-Bayhaqî di dalam *Madkhal* dan *Manâqib al-Shâfi`î* beliau (1:469) dengan sanad sahih sepertimana yang disahkan oleh Ibn Taymiyyah dalam *Dâr' Ta`ârud} al-`Aql wa al-Naql* (hal. 171) dan melalui al-Bayhaqî oleh Ibn `Asâkir dalam *Tabyîn Kadhib al-Muftarî* (edisi Kawtharî, hal. 97). Dinukilkan oleh al-Dhahabî dalam *Siyar* (8:408), Ibn Rajab dalam *Jâmi` al-`Ulûm wal-Hikam* (p. 267= edisi Zuh}aylî. 2:52-53=edisi Arna'ût. 2:131 sah{îh}), dan oleh Ibn H}ajar dalam *Fath} al-Bârî* (1959 ed. 13:253).

3 Al-Haytamî, *al-Tabyîn fî Sharh{ al-Arba`în* (hal. 32)

4 Ibn al-`Arabî, *`ârid}at al-Ah}wadhî* (10:147)

5 Cf. al-Lacknawî, *Iqâmat al-H}ujjah* (hal. 12)

menggunakan kaedah pembuktian yang diterimapakai oleh mereka sendiri. Dan sesungguhnya kejayaan itu datangnya dari Allâh jua.6

Ini merupakan pembelaan Imâm al-Bayhaqî secara terang-terang terhadap keperluan *kalâm* dan sifatnya yang selari dengan tuntutan Sunnah demi mempertahankan [Islam] dari pereka bid'ah. Pendirian yang hampir sama juga boleh dilihat di

kalangan para Imam besar seperti Ibn `Asâkir, Ibn al-Sa{

Ibn `A<bidîn dan lain-lain.

lâh, al-Nawawî, Ibn al-Subkî,

1. Pembahagian Bid'ah di kalangan 'ulama' Ahlul Sunnah wal Jamaah dan selainnya

(a) Definisi Imam al-Ghazâlî

H}ujjatul Islâm Imam al-Ghazâlî ketika mengulas perbahasan berhubung dengan penambahan 'titik' pada huruf ayat-ayat al-Qur'ân dengan katanya:

Hakikat bahawa ianya perkara baharu yang diadakan (*muh{dath*) tidak menghalang ini semua. Berapa banyak perkara baharu yang

diadakan tetapi ianya baik!, seperti mana sembahyang Terawih secara berjemaah. Ianya adalah antara bid'ah Saidina`Umar (ra) tetapi ianya adalah bid'ah yang baik (*bid'ah hasana*). Bid'ah yang keji ialah yang bertentangan dengan Sunnah Rasulullah atau yang boleh membawa kepada perubahan Sunnah itu. 7

(b) Definisi Qâd}î Abû Bakr ibn al-`Arabî al-Mâlikî

Qâd{î Abû Bakr Ibn al-`Arabî ketika mengulas berhubung dengan bid'ah berkata: Ketahuilah! – Moga Allah menganugerahkan kamu ilmu! – bahawa bid'ah itu ada

dua jenis (*al-muhd}*

*athâtu da}*

*rbân*):

(i) Perkara baharu yang diadakan yang tiada asas [agama] melainkan mengikut hawa nafsu sesuka hati. Ini ada jenis yang salah, dan

(ii) Perkara baharu yang diadakan selari dengan apa yang sudah disepakati. Seperti

Sunnah para Khulafâ' dan para Imam-imam besar. Perkara baharu yang

diadakan dan bid'ah bukanlah keji kerana ianya 'baharu' (*muhd{*



*ath*) [baharu

yang tiada sebelum ini] atau semata-mata dipanggil 'bid'ah', dan tidak juga kerana maknanya! Allâh Yang Maha Agung berfirman:

"Tidak datang kepada mereka peringatan yang baharu (*muhd*{ mereka" (21:2)

6 Al-Bayhaqî, *Manâqib al-Shâfi`î* (1:469)

7 Al-Ghazzâlî, *Ih}yâ' `Ulûm al-Dîn* (1:276)

*ath*) dari Tuhan

yang bertentangan dengan Sunnah itu yang dikeji atau perkara baharu yang diadakan yang membawa kepada kesesatan itu yang dicela.<sup>8</sup>

(c) Definisi Ibn H{azm al-Z}âhirî

Ibn H{azm al-Z}âhirî berkata:



Bid'ah dalam al-Din ialah apa jua yang datang kepada kita yang tiada disebutkan di dalam al-Qur'ân dan Hadith Rasulullâh , melainkan seseorang itu diberi ganjaran pada sebahagiannya, dan mereka yang melakukannya dimaafkan jika mereka berniat baik. Di antaranya adalah yang diberi ganjaran dan dikira baik (*h}asan*), apa yang

pada asalnya diharuskan (“*mâ*  
*kâna asl} uhu al-ibâha}*  
”) sepertimana yang

diriwayatkan oleh Saidina`Umar (ra): “Alangkah baiknya bid'ah ini!”

Ia jelas merujuk kepada semua amalan kebaikan yang dinyatakan oleh *nass}* (al- Qur'ân dan Hadith) secara umum akan galakan melakukannya, walaupun amalan berkenaan itu tidak disebutkan dalam *nass}* secara khusus. Di antaranya juga ada yang dikeji dan tidak dibolehkan apabila ada dalil-dalil yang melarangnya.  
9

(d) Definisi Ibn al-Jawzî

Ibn al-Jawzî menyatakan perkara yang sama dalam kitabnya

Talbîs Iblîs:

“Ada sesetengah perkara baharu (*muhd}athât*) diamalkan yang tidak berlawanan

dengan Shari‘at atau menyalahinya, mereka [para Salaf] melihat ianya tidak mengapa untuk diamalkan, seperti tindakan Saidina Umar mengumpulkan orang bagi mendirikan sembahyang Terawih di bulan Ramad.ân, kemudian itu beliau berkata:

‘Alangkah baiknya Bid ‘ah ini!’”

(e) Definisi Ibn al-Athîr al-Jazarî

Pakar perkamusan Ibn al-Athîr menyebut di dalam kitabnya, *al-Nihâyah fî Gharîb al-H{âdîth wal-Athar* menyebut:

Bid‘ah itu ada dua jenis: bid‘ah yang berpetunjuk (*bid‘atu hudâ*) dan bid‘ah yang sesat (*bid`atu d}alâlah*).



Apa jua yang menyalahi perintah Allâh dan RasulNya : itu termasuk dalam perkara yang dikutuk dan dipersalahkan. Dan apa jua yang masuk dalam keumuman Allâh atau RasulNya perintahkan atau galakkan: maka itu termasuk dalam hal-ehwal yang dipuji. Apa jua yang tiada amalan sebelum ini seperti



Shaykhul Islâm, Sultân al-`Ulâmâ' Imâm al-`Izz Ibn `Abd al-Salâm juga berkata berhubung dengan perkara yang sama:

Di sana ada beberapa jenis perkara baharu (*bid'ah*). Pertama, ialah yang apa yang tidak dilakukan di awal kedatangan Islam namun Shari'at nyatakannya sebagai terpuji atau wajib. Yang kedua lagi ialah yang tidak dilaksanakan di awal Islam namun Shari'at mengharamkannya dan dibenci. Yang ketiga ialah perkara yang tidak dilakukan di awal Islam dan Shari'at mengharuskan.<sup>13</sup>

Di tempat lain beliau menyebut bahawa Bid'ah itu ada lima jenis, sama sepertimana yang diputuskan para fuqaha dalam amalan perbuatan seseorang, iaitu: Wâjib, H}arâm, Sunat (mandûb), Makrûh, dan Harus (mubâh).<sup>14</sup>

(g) Sokongan Imam Nawawî terhadap Klasifikasi Imam al-Izz

Sheikhul-Islâm, Imâm al-Nawawî menyebut:

Bid'ah mengikut Shari'at ialah mereka sesuatu yang tidak pernah wujud di zaman



Rasulullah dan ianya dibahagikan kepada "baik" dan "buruk" (*wahya*

*munqasimatun ilâ ha}*

*sanah wa qabîh}ah*).

10 Diriwatkan dari Jarîr ibn `Abd Allâh al-Bajalî oleh Imam Muslim, al-Tirmidhî, al-Nasâ'î, Ibn Mâjah, Ah}mad, dan al-Dârimî. Juga diriwatkan dengan kalimah yang hampir sama dari Abû Hurayrah oleh Ibn Mâjah and Ah}mad; dari Abû Juh}ayfah oleh Ibn Mâjah; dan dari Hudhayfah oleh Imam Ah}mad.

11 Diriwatkan dari al-`Irbâd. ibn Sâriyah oleh al-Tirmidhî (hasan sahih), Abû Dâwûd, Ibn Mâjah, Ah}mad, al- Dârimî, Ibn H}ibbân (1:178-179 #5 s}ahî} h.), al-Hâ} kim (1:95-97= edisi 1990 1:174-177) – menyatakan ianya sahih, sementara al-Dhahabî mengesahkannya – dan di dalam al-Madkhal ilâ al-S}ah}îh. (hal. 80-81), al-âjurri dalam al-Sharî`ah (hal. 54-55 #79-82= hal. 46 s}ah}îh), Ibn Abî `âs}im di dalam al-Sunnah (hal. 29 #54 sahih.), al-T}ah}âwî di dalam Mushkil al-âthâr (2:69=3:221-224 #1185-1187 sahih), Muh}ammad ibn Nas}r al-Marwazî

di dalam al-Sunnah (hal. 26-27 #69-72 s}ah}îh.), al-H}âarith ibn Abî Usâma dalam Musnadnya (1:197-198), al- Rûyânî dalam Musnadnya (1:439), Abû Nu`aym dalam Hilyat al-Awliyâ' (1985 ed. 5:220-221, 10:115), al-

T}abarânî dalam Musnad al-Shâmiyyîn (1:254, 1:402, 1:446, 2:197, 2:298) dan al-Kabîr (18:245-257), al- Bayhaqî dalam al-Sunan al-Kubrâ (10:114), al-Madkhal (hal. 115-116), al-I`tiqâd (hal. 229), dan Shu`ab al-

'mân (6:67), al-Baghawî yang mengesahkan ianya h}asan dalam Sharh} al-Sunnah (1:205 #102 isnâd sahih),

Ibn al-Athîr dalam Jâmi` al-Us}ûl (1:187, 1:279), Ibn `Asâkir dalam al-Arba`în al-Buldâniyyah (hal. 121), Ibn

`Abd al-Barr dalam al-Tamhîd (21:278-279) dan Jâmi` Bayân al-`Ilm (2:924 #1758) di mana beliau mengesahkan ianya sah, dan lain-lain.

12 Ibn al-Athîr, al-Nihâya (1:79 'b-d-`).

13 Ibn `Abd al-Salâm, al-Fatâwâ al-Maws}iliyyah (hal. 129).

14 Ibn `Abd al-Salâm, al-Qawâ`id al-Kubrâ (2:337-339) cf. al-Nawawî dalam al-Adhkâr (cetakan Thaqâfiyyah. hal. 237) dan Tahdhîb al-Asma' wal-Lughât (3:20-22), al-Shât}ibî dalam al-I`tisâm (Beirut, 1:188), al-Kirmânî

in al-Kawâkib al-Darârî (9:54), Ibn H}ajar dalam Fath. al-Bârî (13:253-254), al-Suyût}î, mukaddimah beliau pada Husn al-Maqsid dalam al-H}âwî lil-Fatâwâ; al-Haytamî, Fatâwâ H}adîthiyya (hal. 150), Ibn `âbidîn, Radd al-Muhtâr (1:376) dan lain-lain.

kehebatannya iaitu, Abû Muh}ammad `Abdul-`Azîz ibn `Abdul Salâm – Moga-moga

Allâh mengasihannya! – menyebut di akhir buku beliau, *al-Qawâ`id* [al-Kubrâ]:

“Bid`ah itu terbahagi kepada perkara-perkara  
wajib (wâjibat), Haram

(*muha}*

*rramat*), Sunat (*mandûbat*), Makruh (*makrûhat*), dan Harus (*mubâh}at*).

Jalan untuk menilai sesuatu Bid'ah itu ialah dengan melihat berpandukan kaedah Shari'at (*qawâ'id al-sharî'ah*). Jika ianya jatuh dalam kategori kewajiban (*îjâb*) maka jadilah ia Wajib, jika ia termasuk dalam keharaman maka jadilah ia Haram; jika digalakkan maka jadilah ia Sunat, dikeji maka jadilah ia Makruh dan seterusnya yang selainnya ialah Harus.<sup>15</sup>

(h) Sokongan Ibn Hajar terhadap Imam al-Izz

Hafiz Ibn Hajar berkata:

Akar kata perkataan 'bid'ah' itu ialah sesuatu yang direka tanpa ada duluan sebelumnya sebelum ini. Ianya digunakan dalam Shari'at sebagai lawan kepada Sunnah, dan oleh itu dikeji. Jika diteliti, sekiranya ianya termasuk dalam apa yang digalakkan oleh Shari'at, maka ia termasuk dalam bid'ah baik (*bid'ah hasanah*), dan jika ia termasuk

dalam perkara yang dikeji maka ianya adalah bid'ah buruk (*mustaqbaha*)

h). Selain

daripada itu ianya diharuskan (*mubâh*). Ianya juga boleh dibahagikan kepada lima kategori.<sup>16</sup>



(i) *Itt} i} faq* 'Ulama' berhubung Klasifikasi Imam al-Izz

Para ulama' dalam empat Mazhab bersetuju dengan klasifikasi lima hukum bagi Bid'ah yang dibuat oleh Imam al-Izz sepertimana yang telah disebutkan di atas, dengan turut dipersetujui oleh majoriti besar para 'ulama' terkemudian setiap Mazhab seperti berikut:

(1) Di kalangan 'ulama Mazhab H}anafî: al-Kirmânî, Ibn `âbidîn, al-Turkmânî, al-`Aynî, dan al-Tahânawî.<sup>17</sup>

(2) Di kalangan 'ulama Mazhab Mâlikî: al-T}urt}ûshî, Ibn al-H}âjj, al-Qarâfî, dan al-Zurqânî, kecuali al-Shât}ibî yang cuba menafikannya dengan mendakwa klasifikasi Imam al-Izz itu sebagai "bid'ah tanpa ada dalil dalam Shari 'at"<sup>18</sup>

15 Al-Nawawî, *Tahdhîb al-Asmâ' wal-Lughât* (3:20-22).

16 Ibn Hajar, *Fath. al-Bârî* (cetakan 1959 5:156-157= cetakan 1989 4:318).

17 Al-Kirmânî, *al-Kawâkib al-Darârî Sharh} Sah}îh} al-Bukhârî* (9:54), Ibn `âbidîn, *H}âshiya* (1:376, 1:560); al-

Turkmânî, *al-Luma` fîl-H}awâdith wal-Bida`* (Stuttgart, 1986, 1:37); al-Tahânawî, *Kashshâf Ist}ilâh.at al-Funûn* (Beirut, 1966, 1:133-135); al-`Aynî, *`Umdat al-Qârî dalam al-H}imyarî,*

al-Bid`at al-H}asanah (hal.

152-153).

18 Al-T}urt}ûshî, Kitâb al-Hawâdith wa al-Bida` (hal. 15, hal. 158-159); Ibn al-H}ajj, Madkhal al-Shar` al-Sharîf

(Cairo, 1336/1918 2:115); al-Qarâfî, al-Furûq (4:219) cf. al-Shât}ibî, al-I`tis}âm (1:188-191); al-Zurqânî, Sharh} al-Muwatt} }a' (1:238). I`tis}âm Imam al-Shât}ibî' telah diedarkan semula oleh dua tokoh Wahabi: Rashîd Rid}â dan kemudiannya Salîm Hilâlî. Wahhâbî yang ketiga ialah Muh}ammad `Abdul Salâm Khad}ir al-

Shuqayrî – iaitu anak murid kepada Rashid Rid}a. Al-Shuqayrî adalah pengarang al-Sunan wal-Mubtada`ât al-Muta`alliqah bil-Adhkâr wal-Salawât yang beliau penuhi dengan pelbagai cerita-cerita dongeng yang

tidak dapat disahkan, yang kemudiannya beliau mengecamnya tanpa berlengah.

(3) Sepakat (*ijma'*) di kalangan sekalian ulama' Mazhab Shâfi`î.<sup>19</sup>

(4) Keenganan menerimanya di kalangan ulama Mazhab H}anbalî yang terkemudian, dengan mengubah istilah Imam al-Shâfi`î dan Imam al-Izz ibn `Abdul-Salâm dengan masing-masing membawa maksud "bid'ah dari segi bahasa" (*bid'ah lughawiyya*) dan "bid'ah dari segi syarak" (*bid'ah shar`iyyah*). Walaupun ini tidak tepat, mereka cuba memadankan apa yang Imam al-Shâfi`î sebutkan sebagai "dibenarkan" dan "dikeji".<sup>20</sup> Inilah pendekatan yang sering dibawa oleh golongan Wahabi dengan memecah-mecahkan sesuatu isu sepertimana berlaku dalam isu

bid'ah ini, walaupun sepatutnya pendekatan sebenar ialah berpandukan klasifikasi yang telah dibuat oleh majoriti ulama' (*jumhûr*).

Shaykh Muh{ammad Bakhît al-Mut}î`î menyimpulkan:

“Bid 'ah dari segi Syarak ialah yang sesat dan dicela; adapun bid'ah yang para

'ulama membahagikan kepada kepada Wajib dan Haram dan seterusnya itu, adalah Bid'ah dari segi bahasa, yang lebih luas dari Bid'ah dari Syarak kerana Syarak itu juga sebahagian darinya.”<sup>21</sup>

Al-Shawkânî merumuskan di dalam *Nayl al-Awt}âr* iaitu asas kepada pembahagian bid'ah adalah “baik” dan “buruk”, dan inilah pandangan yang paling kukuh dan kuat sekali.<sup>22</sup>



Memadailah apabila majoriti Imam Mujtahid dari kalangan Salaf menyatakan sedemikian berdasarkan dalil-dalil al-Qur'ân and Sunnah, walau apapun yang dikatakan oleh ulama' terkemudian – samada oleh 'ulama bakal murajjih' seperti al- Shawkânî atau 'ulama bakal penyunting' seperti al-Shât}ibî. Kerana pendirian ini telah disepakati (*ijma'*) di kalangan para ulama' Mazhab al-Shâfi`î dan juga selari dengan pesanan Rasulullah agar kita mengikut jalan para Mu'min dan mengikut pendapat [ulama'] ramai.

**“Dia bukanlah seorang Imâm dalam `Ilmu apabila mengikut pandangan yang ganjil/terpencil (shâhdh)**

(`Abdul-Rah{mân ibn Mahdî). Dan Allah jua Yang Maha Mengetahui

Nirmanas/20060322

Source: [http://www.livingislam.org/n/sdb\\_e.html](http://www.livingislam.org/n/sdb_e.html)

\*\*\*

19 Abû Shâma, al-Bâ`ith `alâ Inkâr al-Bida` wa al-H}awâdith (Riyad: Dâr al-Raya, 1990, hal. 93, cetakan Cairo hal. 12-13) dan juga apa yang ditelah disebut sebelum ini. Perhatian: “ijmâ` adalah lebih menyeluruh dari “ittifâq” dan ianya mengikat dari segi hukum.

20 Ibn Rajab, al-Jâmi` fîl-`Ulûm wal-Hikam (2:50-53), dan Ibn Taymiyyah memperkatakan tentang bid`ah dalam kitab beliau Iqtid}â' al-Si}rât. al-Mustaqîm Mukhâlafat As}h}âb al-Jah}îm.

Ini juga merupakan pendirian

Ibn Kathîr, lihat tafsiran beliau pada ayat 117 Surah al-Imrân, dalam Tafsîrnya. Beliau sendirian dengan gurunya, Ibn Taimiyyah.

21 Bakhît, Fatâwâ Hadîthiyyah (hal. 205).

22 Al-Shawkânî, Nayl al-Awt}âr (4:60).

### Komentar Penterjemah

- Jelas sekali berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan di atas membuktikan bahawa para ulama' di kalangan empat Mazhab Ahlul Sunnah wal Jamaah, secara majoritinya, (manakala ijma' di kalangan ulama Mazhab Shafi'e) telah menerima pembahagian

bahawa di sana ada dua bentuk bid'ah, iaitu yang 'baik'(ha}sanah) dan yang 'buruk'

(sayyi'ah/d}alalah). Ini sekaligus menolak pandangan ganjil dan keseorangan

(shadh}dh) Imam al-Shatibi dalam I'tisomnya, yang menentang pembahagian bid'ah sedemikian, dan juga pandangan mereka yang bersamanya yang mendakwa semua

'perkara baharu' itu bid'ah sesat (bid'ah d}alalah/sayyi'ah) belaka.

- Adapun mereka yang mengemukakan hujah-hujah para Imam Mazhab dan imam-imam besar lain yang kononnya menolak dan menentang amalan yang dikatakan “bid’ah”, penolakan para Imam itu sebenarnya adalah terhadap bid’ah dalalah, iaitu bid’ah yang bertentangan dengan Shari’at, kerana para imam-imam ini dalam masa yang sama di tempat yang lain jelas sekali mengakui dan menerima wujudnya dua kategori bid’ah: baik dan buruk.
  
- Dakwaan bahawa kalimah “bid’ah” yang diungkapkan oleh Saidina Umar r.a. hanya bermaksud ‘bid’ah dari segi bahasa’, dan justeru itu sekalian para ulama telah tersilap faham merupakan suatu tanggapan memperlekehkan keilmuan dan kepakaran bahasa para ulama’ besar seperti Imam Shafi’e, Imam al-Ghazali, Imam al-Izz dan lain-lain, seolah-olah mereka ini jahil tidak tahu membezakan antara ‘bid’ah dari segi bahasa’ dan ‘bid’ah dari segi syarak’. Imam Mazhab, Mujtahid Mutlaq, Hujjatul Islam, Sheikhul Islam dan Sultan al-‘Ulama’ adalah antara gelaran-gelaran yang diberikan terhadap para ulama ini sudah cukup menggambarkan kehebatan keilmuan dan kewibawaan mereka.
  
- Perlu kita akui bahawa para ulama’ silam teramat mengerti dan arif apa yang dimaksudkan oleh Saidina Umar r.a. dengan ungkapan kalimah “bid’ah” itu . Mereka juga tahu dan amat mengerti bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri pernah melakukan Solat Terawih secara berjemaah untuk dua malam pertama di bulan Ramadhan sepertimana Hadith Aisyah r.a. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Namun mereka tetap menggunakan hujah perlakuan Saidina Umar itu untuk mengatakan bahawa di sana ada bid’ah hasanah dan bid’ah d}alalah. Adalah sesuatu yang ganjil tiba-tiba ada

'ulama mutaakhir termasuk ulama' kurun ke-20 ini mula mempertikaikan dan menolak hujah para ulama besar seperti Imam Shafi'e, Imam Ghazali dan lain-lain yang telah menggunakan kata-kata Saidina Umar itu tadi sebagai dalil mereka.

- Setiap amalan dalam masyarakat kita perlu dinilai dan diteliti dengan cermat berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ada ketikanya amalan mereka itu merupakan bid'ah hasanah, ada juga ketikanya bid'ah dalalah dan khurafat yang mesti ditentang, dan ada juga ianya merupakan persoalan khilafiyah (perbezaan pendapat di kalangan

'ulama'). Adalah terlalu cetek pemikiran melabelkan semua perlakuan yang tiada nas}

khusus mengenainya, di dalam satu bakul yang sama sebagai bid'ah dalalah atau

sayyiah.

\*Dan Allah jua Yang Maha Mengetahui\*